

Set 5 BM Questions & Answers 180309

1. Jadual Prestasi SUA Malaysia merupakan peralatan yang berguna kerana ia:
 - A. Membenarkan prestasi dijadualkan pada mesyuarat yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.
 - B. Menyentuh tentang kredibiliti pengurus tabung.
 - C. Meringkaskan prestasi pelaburan industri UA dan membolehkan untuk tujuan memudahkan perbandingan .
 - D. Membolehkan orang ramai memahami mengenai bayaran dan yuran yang dikenakan oleh syarikat pengurusan unit amanah di Malaysia.

Jawapan C

Jadual prestasi amat berguna kerana ia meringkaskan prestasi seluruh industri unit amanah dalam satu jadual meliputi tempoh piawaian dan berdasarkan pengukuran tekal dan objektif. (Bab 1, muka surat 1-34)

2. Manakah pernyataan yang betul mengenai Skim Pelaburan Pencarum KWSP?
 - A. Umur maksimum bagi pencarum yang layak adalah 60 tahun.
 - B. Pencarum boleh mengeluarkan tabung daripada KWSP sekali setiap dua bulan.
 - C. Pelaburan boleh dibuat dengan mana-mana skim unit Amanah.
 - D. Baki dalam Akaun 2 adalah tidak layak untuk skim ini.

Jawapan D

Sejak tahun 1996, pencarum, layak membuat pemindahan wang daripada baki Akaun 1 kepada SUA yang diluluskan tertakluk kepada beberapa syarat. (Bab 3, muka surat 3-18)

3. Manakah antara pernyataan berikut adalah betul?
 - A. Pendapatan dari amanah pelaburan harta tanah sebahagian besarnya diperolehi daripada pendapatan sewa dan peningkatan modal harta tanah yang dipegang oleh SUA.

- B. Portfolio amanah pelaburan harta tanah (APHT) boleh ditukar ke ekuiti dengan mudah kerana asetnya adalah mudah tunai.
- C. Amanah pelaburan harta tanah (APHT) tidak boleh disenaraikan.
- D. Unit amanah tak tersenarai tidak dibenarkan untuk melabur dalam amanah pelaburan harta tanah (APHT).

Jawapan A

Pulangan daripada harta tanah terdiri daripada pendapatan sewa bersih dicampur atau ditolak dengan perubahan dalam nilai harta sepanjang tempoh itu. Harga unit dalam APHT didagangkan di Bursa Malaysia akan mengambil kira pulangan ini. (Bab 1, muka surat 1-15)

4. Skim pelaburan kolektif merupakan:
 - A. Sejenis tabung yang membenarkan seseorang untuk mengumpul wang daripada orang lain, lebih kurang sama dengan orang yang mengumpul wang untuk tujuan kebajikan.
 - B. Suatu tabung pelaburan yang melabur hanya dalam pengumpulan saham yang tertentu.
 - C. Suatu pengumpulan pelaburan yang tidak boleh dijual tanpa kebenaran pemiliknya.
 - D. Terma lain yang digunakan untuk menggambarkan skim unit amanah.

Jawapan D

SUA merupakan suatu bentuk pelaburan kolektif yang membolehkan pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang sama supaya mengumpul simpanan mereka, dan kemudian dilaburkan ke dalam portfolio sekuriti atau aset lain yang diuruskan oleh profesional pelaburan. (Bab 1, muka surat 1-2)

4. Apakah yang selalunya anda tidak akan harapkan untuk ditemui dalam laporan tahunan skim unit amanah?
 - A. Penyata aset dan liabiliti skim unit amanah.
 - B. Laporan juruaudit
 - C. Komposisi dana dan penyata alokasi aset.

D. Harga unit produk-produk pesaing.

Jawapan D

Kandungan utama laporan SUA tahunan merangkumi Dana Prestasi Penting, Laporan Pengurus, laporan Pemegang Amanah, Penyata Kewangan SUA dan Laporan Juruaudit.. (Bab 3, muka surat 3-10)

6. Bilakah syarikat pengurusan unit amanah yang pertama di Malaysia telah ditubuhkan?

- A. 1949
- B. 1950
- C. 1959
- D. 1960

Jawapan C

Pada tahun 1959 Malayan Unit Trust Limited merupakan SPUA pertama yang ditubuhkan . (Bab 1, muka surat 1-18)

7. Pelabur yang melabur dalam unit amanah dengan menggunakan wang yang telah dipinjam:

- A. Hanya akan membuat keuntungan sekiranya pulangan daripada pelaburan adalah lebih tinggi berbanding kos pinjaman mereka.
- B. Tidak akan dipengaruhi oleh perubahan dalam Kadar Pinjaman Asas yang ditetapkan oleh pembiaya
- C. Dijamin akan memberi keuntungan dalam jangka masa panjang.
- D. Perlu sentiasa melabur sehingga pinjaman telah diselesaikan.

Jawapan A

Untuk memaksimumkan pulangan pelaburan yang berpotensi, ada antara pelabur yang melabur dalam SUA melalui pinjaman, dengan harapan kadar pulangan daripada pelaburan dalam SUA akan melebihi kos pinjaman, dengan yang demikian menghasilkan keuntungan tambahan. (Bab 1, muka surat 1-6)

8. Seorang pelabur ingin meningkatkan pendedahan dalam pasaran harta tanah komersil di Kuala Lumpur tetapi dengan modal yang kecil (anggaran RM5,000), beliau langsung tidak boleh melabur. Manakah pelaburan alternatif yang bagus untuk beliau?

- A. Melabur dalam dana indeks ekuiti.
- B. Melabur dalam dana pendapatan tetap.
- C. Melabur dalam mana-mana tabung terbuka
- D. Melabur dalam amanah pelaburan harta tanah.

Jawapan D

Dengan memperoleh unit dalam APHT tersenarai, dapat melaburkan jumlah yang kecil bagi mendapatkan pendedahan kepada pasaran harta tanah. (Bab 1, muka surat 1-14)

9. Puan Rose berhajat untuk mengeluarkan sebahagian daripada simpanan beliau bagi tujuan melabur dalam unit amanah. Beliau ingin melabur semua wangnya ke dalam dana pada satu masa dan membiarkan ia tanpa mengambil kira keadaan pasaran. Manakala Puan Sarina, beliau mempunyai sedikit simpanan tetapi beliau sanggup mengurangkan sebahagian perbelanjaan dan melabur dalam unit amanah. Namakan kaedah yang boleh digunakan oleh mereka untuk melabur dalam unit amanah.

- A. Perancangan Kenal Pasti dan Ansuran
- B. Perancangan Pelaburan Sekali Gus dan Simpanan Tetap
- C. Perancangan Pelaburan Sekali Gus dan Kontrak
- D. Perancangan Pelaburan Tetap dan Ansuran

Jawapan B

10. Secara amnya, apakah kemungkinan bentuk pulangan pelaburan yang boleh diharapkan oleh seseorang pelabur daripada pelaburan dalam unit amanah?

- I. Agihan
- II. Tambahan nilai modal

III. Kadar faedah

- A. I & II
- B. I & III
- C. II & III
- D. Semua pilihan jawapan adalah betul

Jawapan A

Pulangan pelaburan untuk pemegang unit dalam SUA biasanya ialah gabungan pembayaran pendapatan tetap ('agihan') dan tambahan nilai modal, yang diperolehi daripada pelaburan terkumpul yang terdapat dalam SUA tersebut. (Bab 1, muka surat 1-3)

11. Dalam memasarkan skim unit amanah, menyediakan perkhidmatan berkualiti termasuk:

- A. Responsif terhadap permintaan, pertanyaan dan aduan pelanggan.
- B. Menyediakan laporan yang jelas dan terperinci.
- C. Menyediakan pilihan yang selesa dalam menguruskan tunai dan pembayaran daripada pelanggan.
- D. Semua pilihan jawapan adalah betul.

Jawapan D

12. Manakah antara berikut merupakan perkara yang paling wajar dilakukan sekiranya anda bertemu seseorang yang tidak pernah melabur dalam unit amanah dan tidak berasa selesa untuk melabur dalam unit amanah?

- A. Membiarkan pelabur yang berpotensi tersebut mempunyai prospektus dan membincangkannya bersama-sama .
- B. Selesaikan beliau dengan memberitahu bahawa unit amanah adalah pelaburan tanpa risiko.
- C. Tunjukkan kepada beliau risalah pemasaran dan mengambilnya semula kerana anda perlu menunjukkan risalah tersebut kepada pelabur lain pula.

D. Tunjukkan kepada beliau rekod prestasi unit amanah yang cemerlang dan beritahu beliau bahawa prestasi itu akan berulang pada masa akan datang.

Jawapan A

PEUA mestilah memastikan setiap pelabur diberikan prospektus terkini dan perlu memberikan penjelasan mendalam tentang prospektus kepada pelabur sebelum permohonan dibuat. (Bab 1, muka surat 1-24)

13. Unit amanah menawarkan suatu kaedah efektif untuk mencapai matlamat kewangan sepanjang hayat dengan kelebihan yang sukar untuk dicapai oleh orang biasa yang melabur sendiri. Kelebihan tersebut termasuk:

- I. Pengurusan pelaburan profesional secara berterusan.
- II. Aset yang dipelbagaikan dengan pengurangan risiko.
- III. Boleh dibeli dan dijual dengan mudah
- IV. Kos transaksi yang lebih menguntungkan unit amanah kerana amaun pelaburan yang besar.
- V. Kemudahan untuk menukar di antara jenis dana yang berbeza. (bertakluk kepada unit amanah tertentu)

- A. I, II & III
- B. I, II, III & IV
- C. I, II, III, & V
- D. Semua pilihan jawapan adalah betul

Jawapan D

Bab 1, muka surat 1-3 dan 1-4. Bab 3, muka surat 3-8.

14. "Risiko pasaran" merupakan sejenis risiko yang terlibat dalam pelaburan unit amanah ekuiti dan ia bermaksud:

- A. Nilai saham yang mendasari Nilai Aset Bersih (NAB) skim unit amanah sentiasa berubah sebagai tindak balas kepada pelbagai aktiviti sesebuah syarikat dan keadaan pasaran umum atau

Set 5 BM Questions & Answers 180309

ekonomi. Perubahan ini akan menyebabkan NAB ataupun harga unit akan jatuh dan juga naik.

- B. Pengurusan skim yang tidak bagus akan membahayakan pelaburan pemegang unit melalui kehilangan modal yang mereka telah laburkan ke dalam skim.
- C. Pemegang unit mungkin akan dipaksa untuk menyediakan wang tambahan bagi memulihkan margin pembiayaan mereka apabila nilai skim unit amanah jatuh secara mendadak.
- D. Semua pilihan jawapan adalah salah.

Jawapan A

Risiko Pasaran: Pembelian ekuiti adalah satu risiko kerana harga saham yang mendasari NAB dana sentiasa berubah sebagai tindak balas kepada pelbagai faktor. Oleh itu, perubahan nilai saham adalah sebagai tindak balas aktiviti sesebuah syarikat, dan keadaan pasaran umum atau ekonomi. Perubahan dalam nilai yang mendasari saham portfolio pelaburan akan menyebabkan NAB atau harga unit jatuh dan juga naik, dan pendapatan yang dihasilkan oleh dana juga mungkin berubah-ubah. (Prospektus Induk [Untuk Dana Siri Public Berlandaskan Syariah] muka surat 25)

15. Salah satu daripada faedah melabur dalam unit amanah adalah peluang menggunakan pengalaman daripada pengurus pelaburan yang profesional. Istilah manakah yang paling sesuai menggambarkan pengurus tabung yang profesional?
- A. Seseorang yang telah membeli dan menjual banyak pelaburan sepanjang hayatnya.
 - B. Seorang rakan yang sentiasa mengesyorkan saham yang paling bagus untuk dibeli.
 - C. Seseorang yang sentiasa menguruskan lebih daripada RM500 juta
 - D. Seseorang yang telah dilatih secara profesional dalam bidang pengurusan dana.

Jawapan D

16. Syarikat Pengurusan Unit Amanah (SPUA) mesti menerbitkan

prospektus untuk setiap skim unit amanahnya. SPUA dikehendaki untuk :

- A. Menerbitkan prospektus sekurang-kurangnya sekali setiap tahun.
- B. Menyediakan maklumat yang lengkap
- C. Menghantar satu salinan kepada pelabur yang berpotensi yang membuat permohonan.
- D. Semua pilihan jawapan adalah betul.

Jawapan D

Prospektus mestilah dikemas kini sekurang-kurangnya sekali setiap 12 bulan. Ia merupakan dokumen undang-undang yang mengandungi istilah perundangan, perakaunan dan pelaburan. Tujuannya adalah untuk melengkapkan pelabur dengan semua maklumat yang perlu untuk membuat keputusan berdasarkan fakta untuk melabur dalam SUA. (Bab 1, muka surat 1-24)

17. Ciri-ciri risiko/pulangan boleh berbeza secara ketara antara dua dana. Manakah antara pernyataan berikut adalah perbandingan yang SALAH terhadap risiko/pulangan di antara melabur dalam Dana Pertumbuhan Modal (G) dan Dana Perlindungan Modal (P)
- A. G mempunyai potensi pulangan yang lebih tinggi berbanding P kerana G mempunyai risiko yang kurang.
 - B. G perlu mengamalkan strategi pelaburan yang berisiko tinggi untuk mencapai potensi pulangan yang lebih tinggi.
 - C. P mempunyai potensi kerugian yang rendah mengambil risiko yang kurang.
 - D. Jangkaan pulangan yang lebih rendah daripada P kerana dana mengambil risiko yang kurang.

Jawapan A

18. Antara lain, pengiraan Nilai Aset Bersih (NAB) dalam skim unit amanah melibatkan:

- I. Nilai pelaburan dalam ekuiti

Set 5 BM Questions & Answers 180309

- II. Kos dan bayaran yang terlibat dalam pelbagai transaksi skim tersebut.
 - III. Nilai instrumen pasaran wang (jika berkenaan)
 - IV. Agihan kasar terakru dan pendapatan faedah selepas ditolak yuran dan perbelanjaan berkenaan seperti yuran pengurusan tahunan dan perbelanjaan pentadbiran.
- A. I & II C. I, III & IV
B. I, II & III D. Semua pilihan jawapan adalah betul

Jawapan D

(Bab 1, muka surat 1-38 & 1-39)

19. Untuk meningkatkan taraf profesionalisme dalam memasarkan unit amanah:
- A. Ianya tiada kaitan di antara apa-apa janji yang dibuat kepada pelanggan yang merujuk kepada pulangan pelaburan.
 - B. Ianya adalah penting untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik daripada biasa kepada pelanggan dan memberi perhatian kepada keperluan mereka.
 - C. Ianya adalah penting untuk memantau petunjuk pemasaran sebanyak yang mungkin.
 - D. Adalah penting untuk mengesyorkan kepada pelanggan yang berpotensi, unit amanah yang mempunyai prestasi terbaik tanpa mengambil kira kesesuaian profil risiko mereka terhadap dana tersebut.

Jawapan B

20. Apakah risiko kepada pelabur yang melabur secara terus dalam saham dalam bilangan yang kecil?
- A. Pelabur tersebut terdedah kepada risiko sama ada meningkatkan atau mengurangkan sebahagian besar pelaburannya.
 - B. Pelabur tersebut mendapat manfaat daripada kepelbagaian portfolio.

- C. Pelabur tersebut boleh meraih keuntungan yang tinggi secara konsisten daripada pelaburan.
- D. Adalah mudah bagi pelabur untuk memilih syarikat yang bagus.

Jawapan A

Memegang sebilangan saham pelaburan tidak memberikan manfaat kepelbagaian yang ditawarkan oleh SUA, oleh itu terdedah kepada risiko kemungkinan hilang semua modalnya. (Bab 3, muka surat 3-25)

21. Kesan pecahan unit tidak menambahkan nilai pelaburan pemegang unit, tetapi_____.
- A. Memastikan pengurus tabung memperolehi yuran mereka.
 - B. Digunakan oleh syarikat pengurusan unit amanah untuk merendahkan NAB seunit, yang demikian menggalakkan pelabur baru untuk melabur dalam dana tersebut.
 - C. Digunakan untuk menambahkan saiz dana dalam istilah Ringgit.
 - D. Digunakan untuk menyusun semula dana ke dana "Penny-Stocks".

Jawapan B

Dengan memecah unit, unit harga tinggi menjadi unit harga rendah dan pelabur baru mungkin lebih cenderung untuk membeli unit, terutamanya dalam perbandingan dengan SUA pesaing yang mungkin mempunyai unit harga tinggi. (Bab 1, muka surat 1-44)

22. Purata Kos Dolar adalah:

- A. Suatu strategi yang memerlukan membeli pada harga rendah dan menjual pada harga tinggi.
- B. Suatu cara untuk membeli dana unit amanah dan mengurangkan bayaran perkhidmatan.
- C. Suatu cara yang sistematik membuat pelaburan secara tetap dengan amaun wang yang tetap.
- D. Suatu cara untuk menjual unit amanah dan untuk mengurangkan tambahan nilai modal.

Jawapan C

Konsep Purata Kos Dolar merujuk kepada pelaburan bersistem dan biasa bagi sejumlah wang yang tetap tanpa mengambil kira paras harga pelaburan pada masa pelaburan dibuat untuk mengurangkan kos purata bagi pelaburan yang diperolehi di bawah harga purata bagi pelaburan tersebut dalam tempoh itu. (Bab 3, muka surat 3-30)

23. Bagaimana seseorang pelabur boleh melindungi daripada kesan inflasi?

- I. Mengurangkan semua perbelanjaan yang tidak perlu dan menyimpan wang di rumah.
- II. Merendahkan kadar cukai daripada pelaburan.
- III. Melaburkan wang dalam suatu alat yang boleh menghasilkan pulangan yang lebih tinggi daripada kadar inflasi.
- IV. Memaksimumkan faedah perancangan kewangan yang efektif

- A. I & III
- B. III & IV
- C. I, III & IV
- D. I, II, III & IV

Jawapan B

Pelabur perlu mengekalkan kuasa membeli pelaburan asal mereka dan memperoleh kadar pulangan yang mengatasi kadar inflasi daripada pelaburan tersebut. (Bab 5, muka surat 5-12)

Kebanyakan individu perlu merancang. Rancangan kewangan yang berkesan akan membantu melindungi aset pelanggan daripada kesan inflasi. (Bab 5, muka surat 5-2)

24. Sila kenal pasti ciri-ciri unit amanah tabung terbuka

- I. Ia merupakan skim pelaburan kolektif yang memberi peluang kepada pelabur kecil untuk menyertai pelaburan dalam pasaran saham.
- II. Pemilikan dana dibahagikan kepada unit kelayakan.
- III. Sekiranya keadaan pasaran tidak memberangsangkan, pemegang unit tidak boleh mencairkan pelaburan mereka oleh kerana pelabur lain tidak berminat untuk membeli.

- A. I & II
- B. I & III
- C. II & III
- D. Semua pilihan jawapan adalah betul

Jawapan A

SUA merupakan suatu bentuk pelaburan kolektif yang membolehkan pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang sama supaya mengumpulkan simpanan mereka, dan kemudian dilaburkan ke dalam portfolio sekuriti atau aset lain yang diuruskan oleh profesional pelaburan. Pemilikan portfolio terbahagi kepada unit kelayakan dan setiap pelabur dikenali sebagai 'pemegang unit'.

(Bab 1, muka surat 1-2)

SUA memberikan manfaat ini kerana unit boleh dibeli dan dijual dengan mudah melalui SPUA, PIUA dan PEUA.

(Bab 1, muka surat 1-4)

25. Manakah antara berikut paling sesuai menggambarkan "Dana Pertumbuhan Agresif"?

- A. Dana tersebut akan melabur terutamanya dalam saham yang mempunyai pendapatan dividen yang lumayan.
- B. Dana tersebut biasanya akan menghasilkan pulangan yang hampir sama dengan prestasi indeks pasaran saham, dari segi risiko dan pulangan.
- C. Secara umumnya dana tersebut akan dilaburkan dalam saham yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi dan dengan ciri-ciri risiko yang tinggi.
- D. Dana tersebut melabur terutamanya dalam bon korporat, sekuriti kerajaan dan saham mudah tunai.

Jawapan C

SUA ekuiti berlabel 'pertumbuhan agresif' pada umumnya melabur dalam syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan modal yang lebih tinggi dan dengan risiko yang tinggi. (Bab 1, muka surat 1-13)

Set 5 BM Questions & Answers 180309

26. Manakah antara berikut bukan merupakan hak pemegang unit?

- A. Untuk mendapatkan maklumat mengenai skim unit amanah dan prestasinya.
- B. Untuk menerima profil ahli lembaga pengarah
- C. Untuk menebus balik unit.
- D. Untuk memilih saham bagi portfolio skim unit amanah.

Jawapan D

Salah satu daripada kekurangan SUA adalah kehilangan kawalan. Pelabur dalam SUA tiada hak untuk menentukan bagaimana simpanan mereka dilaburkan. (Bab 1, muka surat 1-5)

27. Manakah di antara pernyataan berikut tidak sah?

- A. Pelabur berhak menerima sijil unit amanah atau penyata pelaburan mereka.
- B. Unit amanah diuruskan secara profesional oleh syarikat pengurusan unit amanah.
- C. Pemegang unit membeli sekuriti secara langsung dalam portfolio pelaburan unit amanah.
- D. Nilai unit akan turun naik selari dengan perubahan dalam nilai aset bersih unit amanah.

Jawapan C

Pelabur SUA tidak membeli sekuriti dalam portfolio secara langsung. Pemilikan portfolio terbahagi kepada unitnkelayakan. (Bab 1, muka surat 1-2)

28. Kaedah yang paling baik bagi pelabur untuk meminimalkan kesan bayaran perkhidmatan awal adalah dengan:

- A. Membeli dan menjual unit selagi mereka mampu
- B. Melabur sekerap yang mungkin dan mengelakkan pelaburan secara langsung.

- C. Patuh kepada strategi beli dan simpan untuk jangka masa panjang; memastikan unit yang dibeli bersesuaian dengan objektif pelaburan jangka masa panjang.
- D. Hanya membeli dana pertumbuhan agresif.

Jawapan C

Pelaburan dalam kebanyakan SUA sepatutnya bukan hanya untuk jangka masa pendek kerana kos melabur yang agak tinggi. Apabila diagih-agihkan bagi tempoh yang lebih lama, kos ini tidak akan nampak banyak. Belian dan jualan unit dalam SUA, disebabkan kos melabur, boleh mengurangkan modal seseorang pelabur. (Bab 1, muka surat 1-29)

29. Apakah salah satu tugas PPUAM?

- A. Memeriksa semula semua bahan sebelum dihebahkan kepada orang ramai.
- B. Mengeluarkan semua garis panduan yang dipatuhi oleh syarikat unit amanah dan melaporkan kepada pihak berkuasa Pematuhan sekiranya terdapat sebarang ketidak patuhan.
- C. Menyediakan wadah bagi membolehkan SPUA berbincang tentang isu yang berkaitan dengan industri unit amanah.
- D. Suatu badan kerajaan yang mengawal selia pelaburan yang telah dibuat oleh syarikat pengurusan unit amanah.

Jawapan C

PPUAM menyediakan wadah bagi membolehkan SPUA berbincang tentang isu yang berkaitan dengan industri unit amanah. (muka surat viii)

30. Pengurus tabung dalam skim unit amanah dibenarkan untuk mengenakan yuran pengurusan, yuran tersebut

- A. Sebahagian besarnya digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan yang ditanggung oleh pengurus apabila menguruskan skim tersebut.

Set 5 BM Questions & Answers 180309

- B. Juga dikenali sebagai yuran yang dikenakan oleh pemegang amanah.
- C. Dikenakan oleh pengurus tabung ke atas pelaburan yang dibuat oleh pelabur untuk menampung komisen yang dibayar kepada ejen.
- D. Digunakan untuk tujuan mendaftarkan pemegang unit dengan pemegang amanah.

Jawapan A

Yuran pengurusan tahunan dengan purata lebih kurang 1.5% setahun dikenakan oleh SPUA untuk menampung kos mengurus SUA. (Bab 1, muka surat 1-30)

Soalan 31 & 32 berkaitan

31. Andaikan peletakan alokasi aset bagi dana X dan dana Y adalah seperti berikut:

| | <u>Dana X</u> | <u>Dana Y</u> |
|----------------|---------------|---------------|
| Pasaran Ekuiti | 70% | 0% |
| Pasaran Wang | 10% | 85% |

Dana X adalah lebih sesuai diklasifikasikan sebagai:

- A. Dana Ekuiti
- B. Dana Pendapatan Tetap
- C. Dana Harta Tanah
- D. Dana Pasaran Wang

Jawapan A

Sebahagian besar portfolio SUA ekuiti adalah saham dalam syarikat tersenarai. (Bab 1, muka surat 1-13)

32. Pernyataan manakah yang betul

- I. Kadar faedah berkurangan, nilai dana Y akan terjejas dengan lebih teruk.
- II. Kadar faedah berkurangan, nilai dana Y akan lebih bergerak ke arah positif.
- III. Nilai dana X akan lebih bergerak ke arah positif apabila

pasaran saham meningkat.

- A. I sahaja
- B. I & III
- C. II & III
- D. Semua betul

Jawapan B

Apabila kadar faedah meningkat, instrumen pasaran wang akan meningkat sewajarnya, dan sebaliknya (Dana Y). Apabila pasaran saham meningkat, bahagian ekuiti akan lebih bergerak secara positif. (Dana X).

33. Manakah yang berikut adalah benar mengenai dana bon?

- I. Adalah terbaik dibeli ketika kadar faedah adalah mencapai kemuncak dan hasil bon adalah tinggi
- II. Yuran dan bayaran pengurus secara amnya adalah rendah berbanding dana ekuiti.
- III. Harga dana akan jatuh apabila kadar faedah meningkat.
- IV. Tidak mengambil kira bila anda menebus semula pelaburan anda, anda akan memperoleh semula sekurang-kurangnya amaun permulaan ataupun modal yang telah anda laburkan.

- A. II sahaja
- B. I & III
- C. I,II & III
- D. Semua pilihan jawapan adalah betul

Jawapan A

34. Manakah antara berikut adalah TIDAK BENAR?

- A. Secara amnya, portfolio pelaburan unit amanah ditentukan oleh pengurus tabung.
- B. Unit amanah merupakan suatu mekanisme pelaburan yang membenarkan pelabur yang berkongsi objektif pelaburan yang sama untuk mengumpulkan wang mereka.

Set 5 BM Questions & Answers 180309

- C. Portfolio pelaburan hanya dibenarkan untuk melibatkan satu kelas aset.
- D. Pemegang unit tidak membeli sekuriti secara langsung dan pemilikan dana dibahagikan kepada unit.

Jawapan C

Pelaburan beberapa SUA juga boleh dipelbagaikan mengikut kelas aset. Selain saham, SUA boleh melabur dalam sekuriti pendapatan tetap, harta dan wang tunai. Pelaburan ini akan memberikan ciri kestabilan dalam pasaran saham menurun, dan memberikan sedikit mudah tunai apabila memenuhi belian balik pemegang unit dalam SUA. (Bab 3, muka surat 3-28)

35. Nilai Aset Bersih dana tidak akan berubah dengan PECAHAN UNIT. Mengapakah SPUA memilih untuk membuat pecahan unit?

- A. Meningkatkan yuran pengurusan
- B. Meningkatkan saiz dana dalam istilah ringgit
- C. Merendahkan NAB seunit, oleh yang demikian pelabur baru dapat membeli
- D. Meningkatkan NAB seunit untuk memberi faedah kepada pelabur yang sedia ada.

Jawapan C

Dengan memecah unit, unit harga tinggi menjadi unit harga rendah dan pelabur baru mungkin lebih cenderung untuk membeli unit, terutamanya dalam perbandingan dengan SUA pesaing yang mungkin mempunyai unit harga tinggi. (Bab 1, muka surat 1-44)

36. Pengiraan NAB melibatkan:

- I. Pasaran Ekuiti
- II. Pasaran Wang (jika berkenaan)
- III. Kos transaksi SUA
- IV. NPP

- A. I dan II
- B. I, II dan III
- C. I, II dan IV

- D. Semua pilihan jawapan adalah betul

Jawapan D

37. Pemegang Amanah

- I. Badan kawal selia untuk mengawal keputusan pelaburan yang dibuat oleh SPUA.
- II. Wadah biasa bagi SPUA untuk berbincang tentang isu.
- III. Garis panduan dan laporan kepada badan kawal selia sekiranya terdapat ketidak patuhan dalam pelaburan.
- IV. Menjaga aset dana

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. II, III dan IV
- D. Semua pilihan jawapan adalah betul

Jawapan B

Peranan pemegang amanah dalam Bab 2, muka surat 2-15

38. Dana Pertumbuhan Modal (G) Dana Modal Terjamin (P)

Manakah pernyataan berikut yang TIDAK BENAR?

- A. G mempunyai pulangan lebih baik berbanding P kerana risiko lebih rendah.
- B. P kurang kerugian kerana berisiko rendah.
- C. P kurang pulangan kerana berisiko rendah.
- D. Strategi G berisiko agresif untuk memperoleh potensi pulangan yang lebih baik.

Jawapan A

G mempunyai potensi pulangan yang lebih tinggi kerana ia terdedah kepada risiko yang lebih tinggi berbanding P.

39.

| | A | B |
|---------------------|---------|---------|
| RM | RM1,000 | RM1,000 |
| NAB | RM0.27 | RM0.80 |
| NPP | 1.5% | 0 |
| Yuran Keluar | 0 | 2% |

En Yee mempunyai pelaburan di dalam Dana A dan Dana B dengan nilai pelaburan setiap dana ialah RM1000 setiap dana untuk 5 tahun. Andaikan NPP Dana A ialah 1.5% setahun, yuran keluar Dana B ialah 2% dan kedua-dua dana memberikan pulangan yang sama. En Yee akan mendapat pulangan lebih dari Dana B. Adakah pernyataan ini BENAR?

- A. Benar
- B. Salah kerana Dana A & Dana B memberikan pulangan yang sama
- C. Salah kerana yuran yang berbeza dikenakan kepada kedua-dua dana
- D. Tiada jawapan yang betul

Jawapan A

Ya, En Yee akan mendapat lebih pulangan dari Dana B kerana NPP dikenakan setiap tahun walau bagaimanapun yuran keluar dikenakan jika pelabur menjual pelaburan.

40. PPUAM

- I. Wadah biasa bagi SPUA untuk membincangkan isu-isu.
- II. Untuk bersetuju mengenai piawaian amalan untuk perlindungan kepentingan pemegang unit.
- III. Untuk menambah baik pengawal seliaan, percukaian dan lain-lain peraturan yang melibatkan penjualan unit amanah.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I dan III

D. Semua pilihan jawapan adalah betul

Jawapan D

Muka surat viii